

METODOLOGI TUHFATUL AL-SIBYAN FI TAJWID AL-QURAN KARYA SYEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI

THE METHODOLOGY OF "TUHFATUL AL-SIBYAN FI TAJWID AL-QURAN" BY SHEIKH NUH JAMALUDDIN AL-KELANTANI

Nik Muhammad Fadlan bin Nik Mahmood¹

Khairul Anuar Mohamad²

Anuar Hasin³

Mohd Zaini Zakaria⁴

Muhammad Hana Fizi Abdullah⁵

¹ Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: nmfadlan.mahmood@raudah.usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail : khairul@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail : anuarhasin@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail : zaini@usim.edu.my)

⁵ Imam Besar, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Malaysia
(E-mail : mhanapizi@e-maik.my)

Article history

Received date : 9-5-2024

Revised date : 15-5-2024

Accepted date : 27-6-2024

Published date : 31-7-2024

To cite this document:

Nik Mahmood, N. M. F., Mohamad, K. A., Hasin, A., Zakaria, M. Z., & Abdullah, M. H. F. (2024). Metodologi Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran karya Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (64), 140 – 149.

Abstrak: Khazanah ilmu Tajwid di alam melayu masih belum diterokai secara menyeluruh. Masih banyak manuskrip ilmu Tajwid yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara, yang dianggarkan lebih daripada 90 manuskrip ilmu Tajwid. Kesinambungan daripada itu, kitab-kitab Tajwid lama yang berusia lebih 90 tahun dan masih diulang cetak sehingga ke hari ini salah satunya adalah kitab Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran. Kitab ini telah dikarang oleh tokoh Tajwid mashyur yang bernama Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji metodologi penulisan yang menghuraikan hukum hakam ilmu Tajwid. Selain itu, ia juga melihat kepada laras Bahasa serta kandungan yang menyebabkan kitab ini masih digunakan sehingga ke hari ini. Kajian ini juga akan dilakukan menggunakan metode perpustakaan serta metode temu bual kepada tokoh yang menjadikan kitab ini sebagai bahan pengajaran dan penulisan. Hasil kajian mendapati kitab Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran adalah kitab yang mempunyai banyak fawaid dalam ilmu Tajwid. Sementelahan itu juga, Kitab ini masih lagi digunakan sebagai modul pengajaran ilmu Tajwid di beberapa buah masjid di sekitar Negeri Kelantan. Laras bahasa yang digunakan oleh penulis dalam menghuraikan hukum tajwid mengikut bab dan fasil

adalah menggunakan bahasa jawi lama. Gaya penulisan kitab ini, adalah penulis mendatangkan takrifan serta huraihan dan juga contoh mudah bagi setiap hukum tajwid.

Kata kunci : Kitab Tajwid Lama Yang Berusia Lebih 90 Tahun, Kitab Yang Mempunyai Banyak Fawaid Dalam Ilmu Tajwid

Abstract: The repository of Tajwid knowledge in the Malay world remains largely unexplored. Many Tajwid manuscripts are stored in the National Archives of Malaysia and the National Library, with an estimated collection of more than 90 manuscripts. Among these, the "Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran," authored by the renowned Tajwid scholar Sheikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani, is a notable text that has been reprinted for over 90 years and continues to be in use today. The objective of this study is to examine the writing methodology that elucidates the rules of Tajwid. Additionally, it explores the language style and content that contribute to the text's enduring relevance. This research employs both library methods and interviews with scholars who use this book as a teaching and writing resource. The findings indicate that "Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran" offers substantial benefits in Tajwid knowledge. Furthermore, it is still utilized as a teaching module for Tajwid in several mosques around the State of Kelantan. The language used by the author to explain Tajwid rules is in classical Jawi. The writing style includes definitions, explanations, and simple examples for each Tajwid rule.

Keywords: Old Tajwid Text Over 90 Years Old, Text with Substantial Benefits in Tajwid Knowledge

Pendahuluan

Ulama di alam Melayu telah mashyur sejak sekian lama. Peranannya dalam menyebarkan ilmu agama bukan sahaja di Tanah Melayu, bahkan telah menjadi rujukan di genap pelusuk benua. Tidak terlepas juga ramai para Ulama melayu yang telah menyumbangkan kepakaran ilmunya di Mekah sehingga menetap dan meninggal dunia disana. Para Ulama ini mempunyai keilmuan dan pengetahuan yang pelbagai dalam genap bidang khususnya bidang agama yang menjadi petunjuk juga pembimbing kepada masyarakat disaat masyarakat terumbang ambing mencari hala tujuan hidup. Para Ulama inilah yang menjadi pelita dikala masyarakat dalam kegelapan kejahilan dengan memandu masyarakat ke arah kebenaran hakiki.

Al-Quran merupakan pedoman hidup yang Agong. Yang telah di turunkan kepada junjungan besar, Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibrail AS. Al – Quran menjadi pentunjuk dan hidayah kepada umat manusia kearah kebenaran. Terkandung di dalamnya pelbagai cabang ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia dan kandungannya tersebut sesuai untuk sepanjang zaman. Dengan sumber Al-Quran ini, maka lahirlah cabang-cabang ilmu yang mana memerlukan mereka yang faham dan alim terhadap cabang ilmu ini. Disinilah lahirnya ulama yang alim dalam cabang ilmu Al-Quran yang Agung termasuklah ilmu tajwid dan juga ilmu bacaan atau ilmu Qiraat.

Di antara ulama Malaysia yang mahir dan menguasai bidang Tajwid dengan baik adalah seperti Syeikh Muhammad bin Ahmad al-Kelantani¹, Syeikh Dato' Haji Muhammad Nor Ibrahim, Syeikh Dato' Haji Ismail Yusof, Syeikh Haji Ismail Mahmud dan ramai lagi.

¹ Digelar dengan nama Tok Mat Pintu Geng dan pengarang kitab *Muqaddimah al-Mubtadi fi Tajwid al-Quran* pada tahun 1922.

Di dalam kertas kerja ini, penulis akan memperkenalkan seorang tokoh Tajwid dan Qiraat yang tidak asing lagi, Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani dan juga akan menjelaskan berkenaan Metodologi *Kitab Tuhfatul al-Sibyan fi Tajwid al-Quran* yang merupakan salah satu daripada empat buah kitab yang telah dikarangkan oleh Syeikh Nuh.

Biografi Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani

Nama penuh beliau ialah Syeikh Nuh bin Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Qadir bin Senik al-Kelantani. Tokoh ini telah dilahirkan di Bachok, Kelantan pada tahun 1896. Beliau merupakan adik kandung kepada Haji Ahmad Hafiz². Ayahnya, Haji Jamaluddin bin Haji Abdul Kadir bin senik, ialah seorang guru pondok berjasa di Mukim Paya Mengkuang, dalam daerah Penggawa Perupok, Bachok. Ayahnya juga berjaya mendidik dan melahirkan ramai guru agama pelapis termasuk Haji Seman Seringa atau dikenali dengan Syeikh Uthman Jamaluddin al-Kelantani. Manakala ibunya pula Bernama Hajjah Maryam binti Pak Maras, seorang ibu rumahtangga yang boleh disebut berjaya melahirkan anak-anak yang berilmu dan berakhhlak mulia.

Pendidikan awalnya diperoleh di Pondok ayahnya, dipercayai dari murid-murid kanan ayahnya kerana ayahnya telah meninggal dunia³. Selepas pondok ayahnya, beliau telah dihantar berguru belajar di Pondok kenali, Kubang Kerian untuk berguru dengan Tok Kenali. Di pondok ini beliau dipercayai belajar seangkatan Bersama tokoh ulama' melayu Kelantan seperti Tok Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payong, Haji Ali Pulau Pisang, Haji Nor But (Kadok) dan ramai lagi tokoh-tokoh yang mahsyur. Pada tahun 1919 (bersamaan 1337H) beliau telah berangkat ke Mekah dengan bercita-cita untuk menjadi seorang Alim Ulama'. Selama di Mekah, beliau telah menjadi anak murid kepada Tok Senggora hingga berjaya meraih Ijazah Qiraat Tujuh dan Qiraat Sepuu. Manakala seorang lagi guru beliau sewaktu di Mekah ialah Tok Syafie Kedah iaitu seorang tokoh guru dalam bidang tasawwuf⁴.

Kerjaya awal beliau sebagai gur al-Quran dipercayai bermula apabila beliau telah diminta menjadi pembantu gurunya, Tok Senggora. Beliau mula membantu gurunya pada tahun 1920-an kira-kira selepas setahun lebih berada di Mekah. Pada tahun tersebut Tok Senggora sedang ramai dengan murid dari para santri Tanah Jawi. Beliau bermula dengan menjadi tutor terlebih dahulu seterusnya diangkat menjadi Pembantu Guru. Antara murid awalnya ialah Haji Ahmad bin Abdul Wahab al-Fusani atau Tok Perigi (dari Pattani), Haji Ismail Mahmud (Hat-yai, Songkhla) dan Haji Muhamad Nor Ibrahim (Kelantan). Ketiga-tiga ini merupakan pada awalnya adalah belajar dengan Tok Senggora. Namun setelah kewafatan Tok Senggora, mereka telah menyambung pengajian dengan Syeikh Nuh.

Selepas gurunya Tok Senggora meninggal dunia pada 1930, maka Syeikh Nuh telah menjadi guru al-Quran mengantikan gurunya Tok Senggora. Tugasan ini telah digalas oleh beliau pada sekitar tahun 1930 hingga awal tahun 1940⁵. Pada tahun 1944, dengan rasminya Syeikh Nuh dilantik menjadi guru Tahfiz al-Quran di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniyyah, Mekah. Beliau telah menggalas tugas ini hingga ke akhir hayatnya iaitu hingga tahun 1948.

² Guru al-Quran "bebalik" di Masjid Kayu Kota Bharu (1917-1921) yang kemudiannya dilantik menjadi imam di masjid yang sama. Berkhidmat sehingga meninggal dunia pada 26 April 1943. Sebagaimana Syeikh Nuh, murid beliau pun cukup ramai, termasuk dari luar Kelantan.

³ Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud (2023) Tarikh Ulama' Kelantan sejak awal hingga tahun 2000, Cetakan pertama, hlm 172.

⁴ Ibid, Ismail Che Daud , Abdul Razak Mahmud, hlm 172

⁵ Ibid, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, hlm 173

Syeikh Nuh merupakan keahlian dan juga kepakaran dalam mengajarkan al-Quran dan Ilmu Qiraat sahaja. Beliau merupakan sezaman bersama beberapa Tokoh Ulama' Tanah Jawi yang mengajar di Mekah yang mempunyai keahlian dalam bidang masing-masing seperti Syeikh Wan Daud bin Wan Mustafa al-Fatani yang berkepakaran dalam bidang Fiqh, Syeikh Wan Ismail al-Fatani yang berkepakaran dalam bidang Usuluddin, Syeikh Nor bin Syeikh Nik Mat Kechik al-Fatani yang berkepakaran dalam bidang Falak dan Fiqh dan Cher Pok Ya al-Ramani yang pakar dalam bidang Tasawwuf.

Selama mengajar di Mekah, Syeikh Nuh telah berjaya melahirkan ramai anak-anak murid yang berjaya dalam bidang bacaan al-Quran. Antaranya ialah Haji Ahmad Abdul Wahab al-Fusani dari Patani. Haji Ahmad merupakan penulis Kitab *Sullam al-Qari ila Ma'rifati Riwayat Warsy al-Misri*, 1376⁶. Selain itu, Haji Hasan Hafiz, Kuala Sungai Baru merupakan seorang Mufti Melaka pada tahun 1960, Dato' Haji Ismail Yusuf merupakan Mufti Kelantan pada tahun 1987, Haji Ismail Qurra', Kubang Kaki, Rantau Panjang, Datuk Haji Mohamad Nor bin Che Ibrahim yang juga merupakan Mufti Kelantan⁷ dan ramai lagi.

Syeikh Nuh telah meninggal dunia di Mekah pada waktu azan subuh sedang berkumandang pada pagi sabtu 29 Mei 1948⁸. Beliau telah meninggalkan lapan orang anak iaitu 6 lelaki dan 2 perempuan. Tiga anak lelakinya Haji Abdullah, Haji Abdul Aziz dan Haji Hashim merupakan hafiz al-Quran. Salah seorang anaknya, Haji Hafiz telah pulang ke Kelantan dan berkhidmat di Masjid Muhammadi sebagai Bilal dan kemudiannya telah dilantik sebagai Imam pada tahun 1955-1989⁹. Maklumat yang diperolehi bahawa masih ramai lagi sanak saudara Syeikh Nuh yang masih menetap di Mekah dan di Madrasah al-Falah, Mekah.

Karya-Karya Penulisan Yang Dihasilkan

Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani merupakan tokoh ulama yang hebat dalam bidang Ilmu Tajwid dan Qiraat. Dalam kesibukan mengajar di rumah dan di Madrasah, beliau masih berkesempatan untuk Menyusun atau menterjemah atau mentaswidkan beberapa buah risalah tajwid dan ilmu bacaan al-Quran. Sedikitnya terdapat tiga judul buku yang telah beliau terbitkan dan satu manuskrip yang ditemui di Songkhla¹⁰.

Buku-buku ini ialah :

1. *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran*, cetakan pertama pada 1354H (bersamaan 1935) di Matba'ah PERSAMA, Acheen Street, Pulau Pinang. Kitab ini kemudian berkali-kali mengalami ulang cetak.

⁶ Ibid, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, hlm 173

⁷ Menurut Khairul Anuar Mohamad et.al (2021) dalam artikelnya bertajuk Sumbangan Dato' Ssalemuddin bin Omar dalam Pendidikan al-Quran Di Malaysia, Datuk Haji Mohamad Nor juga merupakan bekas anak murid Tok Senggora dan juga Syeikh Nuh Jamaluddin. Hasil didikan guru yang alim dalam bidang Qiraat, membawa hasil yang begitu ramai anak murid yang dapat mewarisi keilmuan kedua tokoh ilmuwan Qiraat dan Tajwid.

⁸ Ibid, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, hlm 175

⁹ Ibid, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, hlm 175

¹⁰ Tidak termasuk manuskrip yang belum dicetak.

2. *Inilah Risalah Riwayat Warsy Al-Misri Dan Risalah Bagi Riwayat Qalun*, cetakan pertama pada 18 Rabi' al-Awwal 1357H (1938) di Matba'ah al-Majidiyyah, Mekah¹¹.
3. *Al-Durrah al-Muntakhabah fi Riwayat Syu'bah*, cetakan pertama di Matba'ah al-Majidiyyah, Mekah pada tahun 17 Zulhijjah 1358 (1940).
4. *Al-Durar al-Wafirat bi Halli alfaz al-Raudhat fi Qira'ati al-Imam Hamzah al-Zayyati*¹² merupakan sebuah Manuskrip. Masih belum dicetak¹³

Pengenalan Kitab *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran*

Menurut Shaharuddin bin Saad et.Al¹⁴, Kitab ini siap dicetak kali pertama pada tahun 1935 dengan beberapa syarikat penerbitan. Tarikh ininjuga diambil di bahagian hadapan halaman kitab beliau. Terdapat tiga versi cetakan iaitu percetakan al-Ma'rif Sendirian Berhad, Percetakan Achin Sabtariyyah Pulau Pinang dan Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Huda wa Awladuh. Ketiga – tiga buah kitab mencatatkan tahun 1354 hijrah . Hal demikian telah membawa satu pemahaman bahawa kitab ini telah dicetak pada tahun tersebut dan iainya bersamaan dengan tahun 1935.



Gambar 1 : Kitab *Tuhfatul al-Sibyan Fi Tajwid al-Quran*

Kitab ini mempunyai 25 halaman muka surat bercetak tidak termasuk halaman dan belakang. Kitab ini juga mempunyai 7 Bab utama diikuti dengan beberapa bagi pecahan setiap bab dan diakhiri dengan satu khatimah. Menurut Shaharuddin bin Saad et.Al, gaya dan kaedah penyusunan adalah dimulai dengan sedikit muqaddimah yang menghuraikan tentang hukum-hukum berkaitan bacaan al-Quran dengan telah disertakan dalil daripada al-Quran dan Hadis.

¹¹ Risalah ini kemudian diulangcetak sekali lagi di Matba'ah Hijazi, Mesir pada akhir bulan Rabi'ul al-Thani 1373 (1954) dengan di Tashih oleh Abdul Aziz bin Haji Ahmad al-Malayuwi kemudiannya lebih dikenali dengan nama Syeikh Wan Abdul Aziz bin Haji Ahmad Wan Besar, Qadhi Besar Negeri Kedah.

¹² Merupakan manuskrip, telah selesai ditulis pada 5 Zulkaedah 1365 bersamaan 30 September 1946 yang mana kitab ini masih lagi dalam bentuk tulisan tangan, tersimpan di Pondok Madrasah al-I'anah al-Diniyyah, Hatyai, Songkhla (Selatan Thailand)

¹³ Ibid, Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud, hlm 174,636.

¹⁴ Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani : Penyambung Sanad Tok Senggora, Shaharuddin bin Saad, Dr Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Dr Sidek Ariffin.

Hal demikian menunjukkan betapa teliti dan Alimnya Syeikh Nuh dalam membuat penyusunan dan penerangan bagi tiap-tiap bab dan juga fasal.

Syeikh Nuh juga telah membahaskan tentang kesalahan-kesalahan di dalam bacaan al-Quran dan juga faedah-faedah mempelajari hukum tajwid.


Metode Penulisan Kitab *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran*

Setiap penulisan mempunyai gaya penulisan yang berbeza seiring dengan peredaran masa dan zaman. Menyentuh berkenaan metode penulisan yang telah diguna pakai oleh Syeikh Nuh dalam menghasilkan sebuah Kitab *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran*, Syeikh Nuh telah mengaplikasikan beberapa kaedah serta susunan yang membuatkan kitab ini utuh dijadikan bahan rujukan dan pengajaran sehingga ke hari ini. Metodenya adalah seperti berikut:

1. Laras Bahasa

Syeikh Nuh telah menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar dalam kitab beliau ini dengan mengetengahkan penulisan jawi sepenuhnya. Susunan Bahasa dan ayat yang diguna pakai mudah difahami oleh pelbagai lapisan yang menjadikan kitab ini relevan digunakan sehingga sekarang.

Dalam buku *Qawaaid Tarannum*¹⁵ yang telah disusun oleh Al-Marhum Ustaz Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail juga telah menggunakan bahasa jawi sebagai bahasa pengantar utama dalam kitab ini. Kitab ini merupakan kitab asas dalam ilmu Tarannum, namun telah dimuatkan juga penerangan dalam ilmu Tajwid. Hal demikian kerana sebelum bertarannum mestilah perlu menguasai ilmu Tajwid yang mantap agar hasil bacaan dapat dihayati dan juga tepat mengikut bacaan sepatutnya.



Gambar 2 : Petikan daripada kitab *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran* berkenaan laras Bahasa yang diguna pakai oleh Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani.

2. Isi Kandungan Kitab

Kitab ini mempunyai 25 halaman muka surat yang bercetak tidak termasuk halaman depan dan belakang. Kitab ini tidak mempunyai petunjuk susunan bab atau fasal. Namun begitu, tidak menjadikan masalah untuk membacanya kerana kitab ini tidaklah terlalu tebal untuk pembaca mencari bab ke bab. Syeikh Nuh telah memulakan perbahasan dengan menyusun bab-bab terlebih dahulu dan diikuti dengan pecahan fasal-fasal tertentu. Rumusan susunan bab dan fasal adalah seperti berikut :

BIL	BAB	FASAL
1.	Bab Isti'azah	-

¹⁵ Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail. 2014. Buku *Qawaaid Tarannum*. Darul Fikir Sendirian Berhad.

2.	Bab Basmalah	-
3.	Bab Huruf	Fasal Fi Makharij al-Huruf Fasal Fi Sifat al-Huruf Fasal Fi al-Sifat al-'Aridhah Fasal Fi Tafkhir Ba'dha al-Huruf wa Tarqiqah
4.	Bab Fi Ahkam al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin	Fasal fi al-Ikhfa' Fasal fi al-Iqlab Fasal fi al-Idgham Ma'al Ghunnah Fasal fi al-Idgham Bila Ghunnah Fasal fi Idgham al-Mithlayn Fasal fi Idgham al-Mutajanisayn Fasal fi Idgham al-Mutaqrabayn
5.	Bab Mad wa al-Qasr	Fasal fi al-Mad al-Muttasil Fasal fi al-Mad al-Munfasil Fasal fi al-Mad al-'Aridh li al-Sukun Fasal fi al-Mad al-Lazim Fasal fi Ha' al-Dhamir
6.	Bab al-Qaqf wa al-Ibtida' wa al-Qars	-
7.	Bab fi Fadhilah Tilawah al-Quran wa ma Yazkuru Ma'aha	-
8.	Khatimah fi ma Yata'alliqu bi Khatmi al-Quran	-

3. Takrifan Hukum Tajwid

((فصل فى الاقلام))

ابن فصل قد مبتداً فى اقلاب (دان) يأبى دجاد لكن سانو حروف قد تفه
حروف يغلاين سرت اخفاء (دان) برمول مراد دسينى دتو كرن نون دان تونين اكن
ميم يهدخ اخفاء كندى دسيسي باه سرت ككلن غنه بع ظاهره (دان) ياكلين ساونحروف
جو يأبى باه مل اقبيق برجومقا نون بع ماتي دان تونين درف دسانو كليمه اتو درف
دوا كليمه دشن باه نسجاي واجب اقلاب مثلث نون بع ماتي سرفت آنيشم
دان دان


آن بوركه دان مثال تقوين سرفت عليم بذت الصدور دان تراسله بارغ
بع سوهوفمان (دان) تا دافه تياد درف دمنظاره كن غه، فدان دعن كيتايان تشديد
كران بهوان اخفاء دف حقه تياد ادعام (دان اين غنه) درف صفة ميم يهدتو نر كن
درفه نون دان تونين تياد درقدصه كدوان(مك) تياد فرق دف لحظ انتارا آن بوركه

Gambar 3 : Petikan daripada Kitab berkenaan penerangan Syeikh Nuh berkenaan *Fasal Fi Iqlab*. Halaman 13.

Syeikh Nuh telah menyatakan takrifan hukum iqlab dengan gaya bahasa tersendiri namun boleh difahami akan *murodnya*. Syeikh Nuh menyatakan ibarat kitab terhadap hukum iqlab terlebih dahulu kemudian barulah diterangkan Kembali akan apa yang telah diibaratkan. Sebagai contoh, “*Iaitu dijadikan satu huruf pada tempat huruf yang lain serta ikhfa’* ”. Setelah itu Syeikh Nuh telah menjelaskan “*bermula murod disini ditukarkan nun dan tanwin akan mim yang di ikhfa’kan disisi ba’ (huruf bagi Iqlab) sertakekalkan ghunnah yang zohirah..* ” . Syeikh Nuh juga telah mendatangkan gambaran contoh agar si pembaca mendapat gambaran akan penerangan Syeikh terhadap hukum tajwid.

Dalam satu kitab tajwid, *Ahkam Tajwid Wa Fadhoil Al-Quran*¹⁶ juga telah menghuraikan perkara yang sama seperti mana yang terdapat dalam kitab *Tuhfatul Sibyan Fi Tajwid al-Quran*.

4. Hukum Tajwid : *Fasal Fi Mad Muttasil*



Gambar 4 : Petikan daripada Kitab berkenaan *Fasal Fi Mad Muttasil*. Halaman 17.

Hukum Tajwid pada *Fasal Fi Mad al-Muttasil* merupakan salah satu fasal yang terletak pada *Bab Mad Wal Qasr*. Pada bab *Mad wal Qasr* Syeikh Nuh telah menjelaskan bahawa dibawah bab ini akan dijelaskan berkenaan hukum *mad Far'ie*. *Mad Far'ie* mempunyai tiga hukum iaitu, Wajib, Jaiz dan Lazim. Mad yang wajib itu ada satu bahagian (*Fasal*) sahaja, iaitu *Mad Muttasil*. Bagi Jaiz pula ada 2 iaitu *Mad Munfasil* dan *Mad Arid lil Sukun*. Dan Lazim pula ada satu bahagian.

Maka pada Bab ini, pada awalnya Syeikh telah menyatakan takrifan berkenaan Mad Muttasil , “ iaitu barang yang dating kemudian daripadanya hamzah satu kalimah dengan dia ”. Seterusnya, Syeikh Nuh telah membawa satu kata dari Ibnu Jazari berkenaan Mad Muttasil. Pada akhir ulasan fasal Mad Muttasil ini, Syeikh telah menjelaskan berkenaan kadar bacaan Panjang pada mad muttasil, iaitu ada sesetengah yang membaca dengan satu alif setengah, ada sesetengah membacanya dengan kadar dua alif dan ada juga yang membaca dengan tiga alif.

Maksud satu alif itu adalah bersamaan dengan 2 harakat dengan gerakan anak jari. Maka, kadar bacaan Panjang bagi Mad Muttasil adalah tidak kurang 3 harakat dan tidak melebihi 6 harakat. Bagi Hafs pula akan membaca Mad Muttasil dengan kadar 4 dan 5 harakat.

Dalam rujukan perbandingan dengan kitab tajwid yang lain iaitu *Kitab Pelajaran Tajwid*¹⁷ , huraian yang telah dibuat oleh Syeikh Nuh didalam kitab ini lebih menyeluruh huraianya yang menggambarkan kealiman Syeikh Nuh dalam menghuraikan permasalahan tajwid al-Quran, akan tetapi tiada contoh yan dibawa bersama teks tulisan asal manakala dalam *Kitab Pelajaran Tajwid* dihuraikan ringkas dan dinyatakan contoh ayat untuk memudahkan pembaca untuk membacanya.

Analisa

Setelah membaca secara keseluruhan bab dan fasal dalam kitab *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran* karangan Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantan ini, keilmuan Syeikh Nuh dalam penyusunan ilmu Tajwid ini amatlah teliti. Kitab ini juga telah merangkumkan keseluruhan ilmu tajwid yang mana iainya mudah dipelajari oleh mereka yang baru hendak mempelajari

¹⁶ Muhammad Mahmud Abdul Alim, 2010, *Kitab Ahkam Tajwid Wa Fadhoil Al-Quran*, Qaherah, Mesir.

¹⁷ Azahari Ibrahim. Cetakan keenam: 2012. *Kitab Pelajaran Tajwid*. Darul Nu'man.

ilmu tajwid mahupun yang hendak menjadinya kitab ini sebagai rujukan serta bahan pengajaran di Masjid dan Sekolah.

Syeikh Nuh juga telah memasukkan khilaf-khilaf yang ada dalam ilmu tajwid dan juga Qiraat yang menjadikan kitab ini sangat menarik untuk dipelajari. Namun begitu, menurut Muhamad Hana Fizi Abdullah, masyarakat kurang mengenali Syeikh Nuh berbanding lebih mengenali para alim ulama' dalam bidang Feqah, Aqidah, Tasawwuf sahaja namun tidak pada bidang Al-Quran yang menyebabkan kitab-kitabnya hanya ada pada mereka yang betul-betul mendalami bidang Al-Quran sahaja yang akan mengenali dan menghargai hasil karya Syeikh Nuh¹⁸.

Dalam pertemuan yang lain juga bersama Us Zaidy Hassan¹⁹ menyatakan bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin merupakan seorang pertama yang sukar dicari ganti dalam keilmuan dan kepakarannya dalam bidang al-Quran khususnya Tajwid dan Qiraat.

Penutup

Setelah meneliti hasil karya Syeikh Nuh melalui kitab Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran maka didapati bahawa Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani adalah seorang ulama melayu yang sangat menguasai bidang ilmu Tajwid sehingga mampu menghasilkan antara karangan yang berkualiti dalam bidang Tajwid. Penguasaan Ilmu Tajwid Syeikh Nuh bukanlah suatu yang boleh dipertikaikan lagi kerana Syeikh Nuh merupakan anak murid kesayangan tokoh Quran yang alim di Mekah iaitu Tok Senggora sehingga beliau berjaya mendapatkan ijazah Qiraat tujuh dan Qiraat Sepuluh.

Kitab Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran ini merupakan salah satu kitab yang masih relevan digunakan dan juga dirujuk sehingga ke hari ini walaupun usia kitab ini telah mencecah hampir 88 tahun. Itulah bukti keikhlasan dan juga keberkatan hasil penat jerih Syeikh Nuh dalam bertalaqi mendalami ilmu Tajwid Bersama gurunya Tok Senggora. Justeru, kitab ini wajar untuk di ulang cetak kepada versi yang lebih bermutu dari segi bahasanya, susunannya, dan lain-lain lagi agar ianya sentiasa menjadi kitab rujukan utama dalam pembelajaran ilmu Tajwid setanding dengan kitab-kitab moden yang terbit pada hari ini.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada USIM dan Majlis Agama Islam Kelantan kerana membiayai penyelidikan berkaitan Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kelantani. Kajian ini dijalankan di bawah pembiayaan geran penyelidikan agensi luar (Kerajaan) 2023 USIM/MAIK/FPQS/LUAR-K/42123

¹⁸ Temubual penulis bersama Muhammad Hana Fizi Abdullah, di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 3 Disember 2023.

¹⁹ Temubual penulis bersama Ustaz Zaidy Hassan, di Pustaka Az-Zahra, Telipot pada 27 Disember 2023.

Rujukan

Al-Quran

- Azahari Ibrahim. Cetakan keenam: (2012). *Kitab Pelajaran Tajwid*. Darul Nu'man.
- Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail. (2014). Buku *Qawaaid Tarannum*. Darul Fikir Sendirian Berhad.
- Ismail Che Daud (2021), Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2) Sejak Tahun 1957 Hingga 2000, Cetakan Pertama (Edisi Ketiga), Maik, Kota Bharu.
- Ismail Che Daud, Abdul Razak Mahmud (2023), Tarikh Ulama' Kelantan. Sejak Awal hingga Tahun 2000, Cetakan Pertama , Maik, Kota Bharu.
- Khairul Anuar Mohamad dan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar. 2005. Tokoh Pendidik Al-Quran Di Malaysia : Dato' Haji Muhammad Nor Bin Haji Ibrahim. Ma'alim Al-Quran dan As-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Khairul Anuar Mohamad, Ahmad Kamel Mohamed. (2017). Metode Penulisan Makhraj dan Sifat Huruf Dalam Mawrid Zl-Zhom'an Karya Syeikh Abdullah Senggora. Journal Of Islamic, Social, Economics and Development (JISED).
- Khairul Anuar bin Mohamad, Sedek bin Ariffin, Mohd Zaini Zakaria. (2021). Sumbangan Dato' Sallehudin Bin Omar Dalam Pendidikan Al-Quran Di Malaysia. Journal Of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah.
- Muhammad Hana Fizi B Abdullah, Khairul Anuar Mohamad, Abdul Latif Abu Bakar, Adel M. Abdulaziz AL-Geriani (2023). Sumbangan Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani Dalam Bidang Ilmu Al-Qiraat Melalui Kitab Al-Durrah Al-Muntakhabah Fi Riwāyat Syu'bāh. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK8 2023)
- Muhammad Mahmud Abdul Alim, (2010), *Kitab Akhdam Tajwid Wa Fadhoil Al-Quran_, Qaherah, Mesir.*
- Shaharuddin bin Saad, Dr Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Dr Sidek Ariffin. (2017). Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani: Penyambung Sanad Tok Senggora.
- Shaharuddin Saad, Mohd Fairus A.Adi, Rohana Zakaria. (2018). Tok Senggora : Pemegang Sanad Kemasukan Bacaan Al-Quran Di Malaysia. 4th International Conference On Islamiyyat Studies 2018. International Islamic University College Selangor, Malaysia.
- Syeikh Nuh Jamaluddin Al-Kelantani (1354), *Tuhfatul Al-Sibyan Fi Tajwid Al-Quran*. Cetakan pertama.Maktabah Matba'ah Nahdi Wa Auladiah.
- Temubual penulis bersama Muhammad Hana Fizi Abdullah, di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada 3 Disember 2023.
- Temubual penulis bersama Muhammad Hana Fizi Abdullah dan Ustaz Zaidi Hassan di Pustaka Az-Zahra, Telipot pada 27 Disember 2023.